

AUTONOMI GURU DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD): PERSEPSI GURU TERHADAP PEMANSUHAN PEPERIKSAAN TAHAP 1 DI SEKOLAH KEBANGSAAN

Annaliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah

Abstrak

Pentaksiran bilik darjah memerlukan guru menumpukan autonominya secara optimum dalam pentaksiran tanpa perlu diganggu oleh lain-lain bentuk penilaian terutamanya dalam kalangan guru tahap 1 di sekolah rendah di Malaysia. Tiga objektif kajian ditetapkan iaitu mengenalpasti samada guru masih menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun untuk murid tahap 1 di sekolah, mengenalpasti sokongan terhadap pemansuhan peperiksaan untuk murid tahap 1 dan mengenalpasti peningkatan autonomi dalam PBD. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan kaedah tinjauan sebagai teknik kutipan data dijalankan menggunakan instrumen soal selidik atas talian. Seramai 662 orang guru yang mengajar di tahap 1 telah dipilih secara rawak berstrata sebagai responden. Data kemudian dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 25 secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan guru merasakan peningkatan autonomi dalam PBD serta menyokong pemansuhan peperiksaan untuk murid tahap 1. Namun begitu majoriti guru masih menjalankan peperiksaan sebagai sebahagian dari pentaksiran.

Kata Kunci: Autonomi Guru, Autonomi, PBD, Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah berada pada gelombang ke-3 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan, transformasi dalam kurikulum dijalankan melalui perubahan Kurikulum Bersepadu Sekolah rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula tahun 2011. Dalam KSSR, penilaian murid adalah secara holistik melalui pentaksiran sekolah. Bermula tahun 2018, peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun telah dimansuhkan bagi murid tahap 1 di sekolah rendah di seluruh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Justeru, bagi murid tahap 1, pentaksiran bilik darjah (PBD) digunakan sebagai medium untuk penilaian.

Memandangkan PBD merupakan pentaksiran secara holistik yang dijalankan sepenuhnya oleh guru, maka autonomi guru adalah kunci utama yang perlu ditingkatkan agar pelaksanaan PBD berjaya mencapai matlamatnya. Menurut Fadaee et al. (2021), guru yang berautonomi bukan sahaja mempunyai cukup kebebasan dalam menguruskan pengajarannya, tetapi juga dapat mempengaruhi tahap psikologi pelajar, gaya dan strategi pembelajaran murid serta pembangunan autonomi pelajar (*learner autonomi*). Justeru, autonomi guru terutamanya dalam PBD perlulah di beri perhatian oleh pihak pentadbir sekolah agar berada pada landasan yang tepat seiring dengan garis panduan PBD yang telah ditetapkan (Mohd Isa et al., 2020). Selaras dengan pemansuhan peperiksaan bagi murid tahap satu yang kini bergantung sepenuhnya dengan pentaksiran sebagai bentuk penilaian, maka terdapat keperluan untuk menjalankan kajian berkaitan persepsi guru tentang autonomi guru dalam PBD serta sokongan guru terhadap pemansuhan peperiksaan bagi mengenalpasti sejauhmana implementasi PBD di sekolah.

Kajian Literatur

Autonomi guru

Dalam bidang pendidikan, konsep autonomi kurang dibincangkan terutamanya autonomi guru (Vasile, 2013). Sebelum ini, guru dianggap sebagai jentera pendidikan untuk transmisi pengetahuan yang standard (Xiao & Kwo, 2018) tanpa di beri autonomi dalam melaksanakan tugasnya. Namun begitu, reformasi sistem pendidikan global yang berteraskan pendidikan holistik membuka ruang kepada guru untuk lebih berautonomi terutama dalam hal-hal berkaitan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Berdasarkan kajian lepas, autonomi guru ditakrif dari pelbagai perspektif. Dua takrifan autonomi yang utama ialah kebebasan membuat keputusan dan kawalan terhadap bidang tugas. Menurut Guan (2021), autonomi guru bermaksud guru dapat mengajar secara bebas, atau mempunyai kemampuan, kebebasan atau tanggungjawab untuk memilih hal-hal berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Dengan kata lain, autonomi adalah tanggungjawab profesional guru (Duyen, 2019; Tehrani & Mansor, 2012; Ulas & Aksu, 2015) dan kebebasan membuat keputusan (Ananthan, 2016; Ipek, 2017) yang memberi kesan terhadap persekitaran dan kandungan tugas keguruan (Lennert da Silva & Mølstad, 2020; Worth & Brande, 2020).

Autonomi guru memberi impak positif dalam pelbagai bidang. Kajian lepas menunjukkan, autonomi berkorelasi secara positif dengan efikasi sendiri, kepuasan kerja (Esfandiari & Kamali, 2016), pengupayaan (Mohamad & Ali, 2019) dan persekitaran kerja (Salokangas & Wermke, 2020). Menurut Al-Bataineh et al. (2021), autonomi guru juga mempengaruhi suasana kegembiraan di sekolah (*school happiness*). Justeru semua pihak di peringkat atasan termasuklah pegawai kementerian, jabatan pendidikan, lembaga sekolah serta pemimpin sekolah seperti guru besar sepatutnya mengiktiraf kepentingan autonomi guru serta memenuhi keperluan peningkatan autonomi dalam usaha untuk meningkatkan motivasi, mengupaya guru-guru selain meminimalkan stress dan beban kerja guru (Vangrieken et al., 2017).

Pentaksiran bilik darjah (PBD)

Pentaksiran bilik darjah adalah sebahagian dari pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dalam KSSR. Bagi murid tahap 1, penilaian adalah menggunakan PBD secara keseluruhannya dan tidak ada lagi peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Bermula tahun 2019, murid-murid tahap 1 di seluruh negara tidak lagi dinilai dengan bilangan skor A tetapi menggunakan tahap penguasaan 1 hingga 6. Pentaksiran berterusan secara formatif dan sumatif dalam PBD ini merupakan tumpuan utama pihak kementerian sebagai salah satu wahana bagi memastikan perkembangan holistik dalam kalangan murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Menurut Idris (2016) ia merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik yang mampu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Berdasarkan kajian lepas, pelbagai implikasi yang timbul susulan transformasi bentuk penilaian dari peperiksaan ke pentaksiran. Salah satu kesan utama yang dihadapi oleh guru-guru adalah penambahan beban kerja (Maskan, 2013; Tan, 2018). Menurut Tan dan Kenayathulla (2020), keadaan ini berlaku apabila guru memisahkan pentaksiran dan pdpc. Selain itu, terdapat kajian lepas yang menunjukkan masih banyak sekolah yang menjalankan peperiksaan walaupun telah dimansuhkan untuk murid tahap 1 (Mohd Isa et al., 2020). Penambahan beban kerja amnya memberi kesan negatif kepada guru seperti stres (Mohd. Kosnin & Tan, 2012) dan motivasi (Othman & Md. Omar, 2014) sekaligus mempengaruhi prestasi sekolah. Namun begitu, menurut Worth dan Brande (2020), dengan adanya autonomi

guru, bebanan tugas akan dapat diuruskan. Hal ini kerana, guru dapat mengurus tugas-tugasnya mengikut keutamaan serta kebijaksanaan profesionalnya.

Objektif

Dalam kajian ini, tiga objektif kajian ditetapkan iaitu:


- i. Mengenalpasti samada guru masih menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun untuk murid tahap 1 di sekolah
- ii. Mengenalpasti sokongan terhadap pemansuhan peperiksaan untuk murid tahap 1
- iii. Mengenalpasti peningkatan autonomi dalam PBD

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang dijalankan di salah sebuah negeri di Malaysia. Kaedah tinjauan dipilih sebagai teknik kutipan data dengan menggunakan instrumen soal selidik atas talian iaitu *Google Form*. Pemilihan responden adalah secara rawak berstrata dimana strata yang digunakan adalah berdasarkan daerah. Ini bagi memastikan responden bagi setiap daerah adalah mencukupi. Secara keseluruhannya seramai 662 orang guru yang mengajar di tahap 1 telah dipilih sebagai responden. Data kemudian dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 25 secara deskriptif.

Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan meliputi populasi guru-guru tahap 1 di sebuah negeri di timur Malaysia. Seramai 662 orang guru tahap satu sekolah rendah kebangsaan yang terlibat sebagai responden. Rajah 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan demografi. Responden yang terdiri dari guru perempuan lebih ramai iaitu 509 orang (76.9%) berbanding guru lelaki iaitu seramai 153 orang (23.1%). Dari jumlah tersebut, bilangan responden teramai adalah guru yang berusia diantara 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 235 orang (35.5%), diikuti oleh guru yang berusia 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 186 orang (28.1%) dan guru yang berusia 50 tahun ke atas iaitu sebanyak 155 orang (23.4%). Guru yang berusia kurang dari 30 tahun adalah yang paling sedikit iaitu 86 orang (13.0%).



Rajah 1 Latar belakang responden

Bagi aspek pengalaman mengajar pula, responden paling ramai adalah guru yang telah mengajar lebih dari 15 tahun iaitu sebanyak 268 orang (40.5%), diikuti oleh guru yang telah mengajar selama 11 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 174 orang (26.3%) dan guru yang mengajar selama 6 hingga 10 tahun iaitu sebanyak 151 (22.8%). Guru dengan pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun adalah yang paling sedikit menjadi responden iaitu seramai 69 orang (10.4%) sahaja.

i. Peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun

Item 1 dalam soal selidik adalah pernyataan “saya masih menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid tahap 1 sebagai sebahagian dari PBD”. Item ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti samada guru-guru masih menjalankan kedua jenis peperiksaan ini meskipun ianya telah dimansuhkan semenjak 2019. Dapatan kajian ditunjukkan pada jadual 1. Hasil kajian mendapati, bilangan guru yang bersetuju (S) adalah paling ramai iaitu 278 orang (42.0%) diikuti oleh guru-guru yang sangat setuju (SS) seramai 137 orang (20.7). Seramai 106 orang (16.0%) guru tidak pasti (TP) manakala 96 orang (14.5%) tidak bersetuju dan 45 orang (6.8%) guru sangat tidak setuju (STS). Berdasarkan rajah 1 pula, secara keseluruhannya seramai 415 orang (63%) responden masih menjalankan peperiksaan di sekolah bagi murid tahap satu manakala hanya 141 orang (21.3%) guru sahaja yang benar-benar mematuhi pemansuhan peperiksaan tersebut.


Jadual

1

Guru masih menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun

Respon	Kekerapan	%	Kumulatif %
STS	45	6.8	6.8
TS	96	14.5	21.3
TP	106	16.0	37.3
S	278	42.0	79.3
SS	137	20.7	100.0
Jumlah	662	100.0	

Dapatan ini setara dengan dapatan awal kajian Mohd Isa et al. (2020) yang mendapati bilangan guru yang masih menjalankan peperiksaan adalah lebih tinggi berbanding guru yang tidak menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Hal ini membuktikan bahawa sekolah-sekolah masih mengamalkan peperiksaan untuk murid tahap 1 meskipun arahan pemansuhan bermula tahun 2019. Keadaan ini mengesahkan pembudayaan sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan (Idris, 2016) yang kurang baik (Boon & Shahrudin, 2011) sangat sukar untuk diubah. Menurut Hussein (2014), salah satu cabaran dalam transformasi dasar pendidikan adalah sifat selektif guru-guru dan pentadbir dalam mengimplementasikan dasar, dimana hanya perkara yang dipersetujui sahaja yang dilaksanakan manakala perkara yang tidak dipersetujui diabaikan. Hal ini kerana mereka sangat sukar membebaskan diri dari konsep penilaian yang sedia ada iaitu secara tradisional (Maskan, 2013) melalui peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun.



Rajah 1. Carta pai peratusan guru yang menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun

ii. Sokongan terhadap pemansuhan peperiksaan bagi murid tahap 1
Item 2 dalam soal selidik adalah pernyataan “saya menyokong pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun untuk murid tahap 1”. Item ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi guru samada menyokong atau tidak pemansuhan tersebut. Berdasarkan jadual 2, bilangan guru yang bersetuju (S) adalah seramai 210 orang (31.7%), diikuti oleh sangat setuju (SS) seramai 161 orang (24.3%). Bilangan guru yang tidak pasti (TP) ialah 146 (22.1%), tidak setuju (TS) sebanyak 99 orang (15.0%) dan sangat tidak setuju (STS) seramai 46 orang (6.9%). Rajah 2 pula menunjukkan bahawa amnya, majoriti guru menyokong pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Ini dapat dilihat pada carta pai yang menunjukkan 371 orang (56%) bersetuju menyokong pemansuhan peperiksaan tersebut berbanding 139 orang (22%) yang tidak bersetuju.

Jadual 2

Guru yang menyokong pemansuhan peperiksaan bagi murid tahap 1


Respon	Kekerapan	%	Kumulatif %
STS	46	6.9	6.9
TS	99	15.0	21.9
TP	146	22.1	44.0
S	210	31.7	75.7
SS	161	24.3	100.0
Jumlah	662	100.0	

Dapatan ini membuktikan bahawa guru sebagai penjawat awam sentiasa bersikap terbuka kepada perubahan dan transformasi yang ingin diimplementasikan oleh pihak kementerian pendidikan. Menurut Varatharaj (2018), guru sebagai pelaksana dasar melaksanakan kerja

mereka dengan penuh hemah, seperti yang disarankan tetapi terikat dengan birokrasi peringkat atasan. Perkara ini turut dibincangkan dalam kajian Raman & Yamat (2014) dimana guru-guru menerima baik perubahan dalam pentaksiran di sekolah tetapi ia semakin tidak digemari disebabkan oleh cabaran-cabaran yang timbul ketika pelaksanaannya. Ini disebabkan oleh perubahan dalam sistem pendidikan menuntut akauntabiliti yang lebih tinggi dalam kalangan guru (Southern, 2018).

Rajah 2

Carta pai peratusan guru yang menyokong pemansuhan peperiksaan bagi murid tahap 1




iii. Peningkatan autonomi

Item 3 pula adalah berkaitan penyataan “saya merasakan peningkatan autonomi dalam PBD”. Item ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru berkaitan perubahan autonomi yang dirasasi setelah pelaksanaan PBD serta pemansuhan peperiksaan untuk murid tahap 1. Berdasarkan jadual 3, bilangan guru yang bersetuju (S) adalah paling ramai iaitu 339 orang (51.2%), diikuti oleh tidak pasti (TP) seramai 24.6%, sangat setuju (SS) 130 orang (19.6%), tidak setuju (TS) seramai 23 orang (3.5%) dan sangat tidak setuju (STS) seramai 7 orang (1.1%). Rajah 3 pula menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju mengenai peningkatan autonomi dengan PBD sebanyak 469 orang (71%) dan hanya sebilangan kecil yang tidak merasakan peningkatan autonomi iaitu sebanyak 4.6% bersamaan dengan 30 orang.

Jadual 3

Guru yang merasakan peningkatan autonomi dengan PBD

Respon	Kekerapan	%	Kumulatif %
STS	7	1.1	1.1
TS	23	3.5	4.5
TP	163	24.6	29.2
S	339	51.2	80.4
SS	130	19.6	100.0
Jumlah	662	100.0	



Rajah 2. Carta pai peratusan guru yang merasakan peningkatan autonomi dengan PBD

Keputusan ini bermaksud guru-guru tahap satu merasakan terdapat peningkatan autonomi apabila menjalankan PBD. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh bentuk penilaian PBD ini yang menyerahkan sepenuhnya kepada guru untuk memberikan ‘*professional judgement*’ atau penilaian profesional dalam menjalankan pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Menurut Tan & Kenayathulla, (2020), guru memerlukan komitmen dan kemahiran pentaksiran dalam menjamin kualiti pentaksiran di dalam bilik darjah selain memastikan keberkesanan dan kejayaan PBD. Justeru guru di Malaysia seharusnya perlu diberi pendedahan berkaitan standard pentaksiran yang sepatutnya dicapai terutama yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di bilik darjah (Abd. Rahman, (2014).

Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti autonomi guru dalam PBD selepas pemansuhan peperiksaan murid tahap 1 melalui persepsi guru. Dapatan kajian agak unik dan menggambarkan situasi sebenar peringkat pelaksana dasar yang berlaku di sekolah. Guru-guru menyokong pemansuhan peperiksaan bagi murid-murid tahap 1 serta merasakan adanya peningkatan autonomi dalam pelaksanaan PBD. Namun begitu, pada masa yang sama majoriti guru-guru masih juga menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Ini menunjukkan bahawa guru-guru sentiasa positif dan bersedia terhadap sebarang transformasi dalam pendidikan di Malaysia. Walau bagaimanapun, budaya peperiksaan yang telah menjadi budaya dalam sistem penilaian pembelajaran di sekolah sukar untuk diubah. Ini akan menjadikan berlakunya dua bentuk penilaian di sekolah iaitu peperiksaan berdasarkan bilangan A, serta pentaksiran berdasarkan tahap penguasaan. Dengan kata lain, guru-guru menjalankan kedua-dua bentuk penilaian peperiksaan dan juga pentaksiran menyebabkan berlakunya pertambahan beban tugas guru sekaligus bercanggah dengan objektif awal KSSR (Mohd Isa et al., 2020). Hal ini juga akan memberi impak kepada autonomi guru dimana meskipun guru merasakan peningkatan autonomi dalam PBD tetapi beban tugas bertambah yang akhirnya memberi impak negatif terhadap bentuk pentaksiran dalam PBD.

Namun begitu, keputusan menjalankan peperiksaan amnya bukan bergantung kepada individu guru tetapi lebih kepada keputusan kolektif sekolah termasuklah pihak pentadbir sekolah. Justeru, guru-guru di Malaysia perlu diberi pujian atas kemampuan menjalankan

kedua-dua bentuk pentaksiran dengan sangat cemerlang. Meskipun amnya, situasi ini menyumbang kepada pertambahan beban kerja guru di sekolah setara dengan dapatan kajian oleh Maskan (2013) dimana guru berpendapat bahawa pentaksiran menambahkan beban tugas guru di sekolah yang memang telah dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran dan kokurikulum. Pertambahan beban tugas dan tanggungjawab hakiki secara keseluruhannya perlulah dinilai semula dari perspektif guru berdasarkan keutamaan (Rasul, 2013) bagi mengelakkan penurunan motivasi (Nizam & Othman, 2014) dan kegembiraan guru di sekolah (Al-Bataineh et al., 2021) yang merupakan salah satu faktor penghalang penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar (Arbaa, 2015).

Kesan tidak langsung keadaan ini akan menyebabkan berlakunya *resistant* terhadap perubahan dalam kalangan guru di sekolah (Al Salami et al., 2017). Menurut Hussein (2014), guru cenderung menentang atau menolak perubahan yang menuntut masa dan tenaga tambahan atas alasan dedikasi profesional. Resistensi terhadap perubahan ini berlaku dimana guru mencari ruang negosiasi antara keadaan mereka di sekolah dengan perubahan dalam pendidikan (Buchanan, 2015). Maka, berlakunya situasi dimana guru menyokong dan melaksanakan pentaksiran sesuai dengan transformasi dalam penilaian namun masih juga melaksanakan peperiksaan yang telah dimansuhkan.

Bagi menangani masalah ini, pengkaji mencadangkan agar semakan secara berfokus perlu dijalankan oleh pihak kementerian pendidikan di sekolah agar tidak berlaku dua bentuk penilaian dalam kalangan murid tahap 1. Penguatkuasaan surat siaran bil 14/2018 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018) perlu dilakukan agar objektif mewujudkan penilaian holistik dapat dicapai. Pelaksanaan sekadar melepas batuk ditangga tanpa pemantauan menyeluruh akan mengagalkan sasaran transformasi pendidikan berdasarkan trend pendidikan global masakini. Guru akan lebih berautonomi dalam PBD sekiranya mereka dapat lebih fokus dengan satu bentuk penilaian secara holistik sahaja.

Disamping itu, visi pemimpin sekolah sebagai pengemudi dalam implementasi dasar pendidikan adalah perlu seiring dengan aspirasi kementerian. Hal ini kerana guru besar sebagai pemimpin perlu ada kualiti diri sehingga ahli institusi sekolah yang dipimpinya merasa bahawa mereka adalah pemimpin yang membawa pembaharuan, mencetus idea, membangun, menumpu kepada manusia dan semangat, menyemarak harapan dan keyakinan, mempunyai perspektif jangka panjang, mempunyai jawapan kepada soalan apa dan mengapa, memandang ufuk persekitaran, mencabar status quo, menumpu perhatian kepada perkara yang betul dan mendahului masa dalam hal pentaksiran misalnya (Boon & Shahrudin, 2011). Dengan kata lain, guru besar perlu memastikan bahawa keputusan kolektif yang diputuskan diperingkat sekolah berkaitan bentuk pentaksiran yang dijalankan perlu cenderung dan hanya berdasarkan pekeliling yang telah diedarkan. Mengadakan penilaian tambahan seperti peperiksaan bukan sahaja menambah beban tetapi menunjukkan bahawa resistensi bukan sahaja dikalangan guru tetapi juga pemimpin sekolah. Akhirnya, hasrat implementasi transformasi dalam pendidikan tidak akan memberikan impak yang sewajarnya.

Kesimpulan

Pentaksiran bilik darjah memerlukan guru menumpukan autonominya secara optimum dalam pentaksiran tanpa perlu diganggu oleh lain-lain bentuk penilaian terutamanya dalam kalangan guru tahap 1. Sokongan terhadap pemansuhan peperiksaan dan peningkatan autonomi menunjukkan bahawa guru akur dan faham terhadap bentuk transformasi dalam pendidikan yang ingin diimplementasikan di sekolah. Isu utama yang dikenalpasti adalah resistensi dalam pemansuhan peperiksaan tahap 1 yang menyumbang kepada pertambahan beban tugas sedia ada. Justeru, pengkaji mencadangkan semakan berfokus penguatkuasaan surat siaran bil

14/2018 selain bimbingan berterusan kepada pemimpin sekolah dan guru-guru agar kekal seiring dengan aspirasi dasar pendidikan yang telah ditetapkan dalam PPPM 2013-2025.

Rujukan

- Abd. Rahman, Y. (2014). *Pembinaan Model Konsepsi Dan Amalan Pentaksiran Guru*. University Sains Malaysia.
- Al-Bataineh, O. T., Mahasneh, A. M., & Al-Zoubi, Z. (2021). The Correlation between Level of School Happiness and Teacher Autonomy in Jordan. *International Journal of Instruction*, 14(2), 1021–1036. <https://doi.org/10.29333/iji.2021.14258a>
- Al Salami, M. K., Makela, C. J., & de Miranda, M. A. (2017). Assessing Changes in Teachers' Attitudes Toward Interdisciplinary STEM Teaching. *International Journal of Technology and Design Education*, 27(1), 63–88. <https://doi.org/10.1007/s10798-015-9341-0>
- Ananthan, S. (2016). *Kepimpinan Beretika Guru Besar, Kesejahteraan Organisasi dan Pengupayaan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil*. Universiti Sains Malaysia.
- Arbaa, R. (2015). *Kearifan Tempatan Profesional Guru Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah Di Dalam Bilik Darjah*. Universiti Sains Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Murid Tahap 1*. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.126.1.78>
- Boon, Y., & Shaharuddin, M. M. (2011). *Kepemimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia
- Buchanan, R. (2015). Teacher Identity and Agency in an Era of Accountability. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 21(6), 700–719. <https://doi.org/10.1080/13540602.2015.1044329>
- Duyen, N. T. H. (2019). *Teacher Autonomy in Finnish Primary Schools : An Exploratory Study About Class Teachers' Perceptions* (Issue September). Tampere University.
- Esfandiari, R., & Kamali, M. (2016). On the Relationship between Job Satisfaction, Teacher Burnout, and Teacher Autonomy. *Iranian Journal of Applied Language Studies*, 8(2), 73–98. <https://doi.org/10.22111/IJALS.2016.3081>
- Fadaee, E., Marzban, A., & Najafi Karimi, S. (2021). The Relationship between Autonomy, Second Language Teaching Styles, and Personality Traits: A Case Study of Iranian EFL Teachers. *Cogent Education*, 8(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2021.1881203>
- Guan, L. (2021). Investigation into Improvement of Teacher Autonomy and Student Autonomy through Collaborative Action Research. *Theory and Practice in Language Studies*, 11(1), 76. <https://doi.org/10.17507/tpls.1101.09>
- Hussein. (2014). Implementation of Strategic Education Policy Plan at Micro-level Contexts: Management and Leadership Challenges. *Malaysian Online Journal of Educational Management*.
- Idris, N. (2016). *Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Guru*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ipek, D. S. (2017). *The Relationship between Teacher Reflection and Teacher Autonomy with Respect to Certain Variables*. East Technical University.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Surat Siaran Bil. 14/2018: Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan Dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 Di Sekolah Rendah KPM Mulai Tahun 2019*.
- Maskan, N. (2013). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Mata Pelajaran Sains Di Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad, I., Ali, A. J., Abdullah, A. G. K. (2019). Pengaruh Pengupayaan Terhadap Autonomi Guru Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Abad ke-21. *Jurnal IPDA*, 26(Januari), 49–58.
- Mohd. Kosnin, A., & Tan, S. L. (2012). Pengaruh Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja dan Stres Kerja Guru. *Jurnal Teknologi*, 48, 33–47. <https://doi.org/10.11113/jt.v48.244>
- Mohd Isa, A., Mydin, A.-A., Abdullah, A. G. K., & Rasidi, W. F. (2020). Transformasi Pendidikan Tahap 1 : Peperiksaan Ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kesan Terhadap Autonomi Guru. In N. F. Habidin, T. W. Tuan Chik, S. Y. Y. Ong, U. A. Muhammad, & N. Mohd Fuzi (Eds.), *Isu dan Cabaran dalam Pendidikan: Strategi dan Inovasi* (pp. 218–231). Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Nizam, M. S., & Othman, N. (2014). Aktiviti Kerja Sampingan dan Kesan ke Atas Komitmen Guru Bekerja. *Sains Humanika UTM*, 1(2011), 31–36.
- Othman, N., & Md. Omar, H. (2014). Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 35–57.
- Raman, K., & Yamat, H. (2014). English Teachers' Voices on the Challenges of the School-Based Assessment.

- Frontiers of Language and Teaching*, 5, 66–74.
- Rasul, M. S. (2013). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Di Daerah Muar Dan Ledang Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Silva, A. L., & Mølstad, C. E. (2020). Teacher Autonomy and Teacher Agency: A Comparative Study in Brazilian and Norwegian Lower Secondary Education. *Curriculum Journal*, 31(1), 115–131. <https://doi.org/10.1002/curj.3>
- Salokangas, M., & Wermke, W. (2020). Unpacking Autonomy for Empirical Comparative Investigation. *Oxford Review of Education*, 46(5), 563–581. <https://doi.org/10.1080/03054985.2020.1733514>
- Southern, R. K. (2018). *Teacher Autonomy And Centralization : Predicting School Effectiveness*. The University of Alabama.
- Tan, J. Y., & Kenayathulla, H. B. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(Julai), 70–90.
- Tan, L. K. (2018). *Faktor Dalam Sekolah Dan Komitmen Guru Terhadap Organisasi : Pengaruh Pengantara Kualiti Kehidupan Kerja Guru Di SBT dan SBBT*. Universiti Sains Malaysia.
- Tehrani, I. A., & Mansor, W. F. A. W. (2012). The Influence of 'Teacher Autonomy in Obtaining Knowledge' on 'Class Practice.' *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 66, 544–554. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.299>
- Ulas, J., & Aksu, M. (2015). Development of Teacher Autonomy Scale for Turkish Teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 186(May 2015), 344–349. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.023>
- Vangrieken, K., Grosemans, I., Dochy, F., & Kyndt, E. (2017). Teacher Autonomy and Collaboration: A Paradox? Conceptualising and Measuring Teachers' Autonomy and Collaborative Attitude. *Elsevier*. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.06.021>
- Varatharaj, R. (2018). Autonomi : Pandangan dan Penerimaan Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 15.
- Vasile, C. (2013). Autonomy Variation in Teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 78, 610–614. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.04.361>
- Worth, J., & Brande, J. Van den. (2020). Teacher Autonomy: How Does it Relate to Job Satisfaction and Retention? In *Slough : NFER*. National Foundation for Educational Research.
- Xiao, J., & Kwo, O. (2018). Diversity of Teacher Autonomy in Response to Curriculum Reform : Towards a Humanistic Focus on Teacher Education. In *Teacher Education for Diversity* (1st ed., p. 18).